

Analisis Persepsi Pelajar Di Kolej Komuniti Bukit Beruang bagi Penggunaan e-book Reservation Semudah 123

Nurazlina Mohd Razali*, Siti Norakma Abd Muin dan Nazelira A Rahim

Kolej Komuniti Bukit Beruang Melaka

*Pengarang perantara: nurazlina@kkbbm.edu.my

Abstrak

E-Book 'RESERVATION SEMUDAH 123' dihasilkan sebagai Alat Bantu Mengajar (ABM) oleh pensyarah Kursus *Front Office Operation*, Sijil Operasi Perhotelan (SOP) di Kolej Komuniti Bukit Beruang, Melaka (KKBBM). Ia merupakan panduan lengkap tentang tatacara mengambil penempahan untuk bilik hotel, dan keistimewaannya adalah ebook ini dilengkapi dengan beberapa set contoh dialog bersuara yang dapat dijadikan rujukan oleh pelajar. Ebook ini dibangunkan oleh pensyarah berdasarkan markah rubrik pentaksiran di dalam Kursus SOP 20163 *Communication in Hotel Operations* dan Kursus SOP 30203 *Front Office Operation* terdapat sebilangan pelajar yang tidak dapat mencapai markah 80 peratus. Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti maklumbalas terhadap e-Book ini dalam kalangan pelajar SOP 2 dan SOP 3 dari segi reka bentuk, tahap pemahaman pelajar terhadap penggunaan ebook dan persepsi mereka hasil daripada penggunaannya terhadap penguasaan kefahaman mereka bagi topik *reservation* khususnya. Pendekatan kuantitatif melalui teknik tinjauan digunakan dengan membuat edaran borang soal selidik yang terdiri dari Skala Likert lima mata. Sampel kajian ini adalah mewakili semua populasi iaitu seramai 39 pelajar SOP 2 dan SOP 3 di KKBBM. Perisian *Statistical Package for the Social Science* (SPSS) versi 23.0 digunakan untuk menganalisis data yang terkumpul bagi mendapatkan keputusan peratusan dan nilai minimum. Hasil analisis menunjukkan persepsi pelajar dari segi rekabentuk adalah pada tahap tinggi iaitu 4.3795, aspek pemahaman pada tahap tinggi iaitu 4.3013 serta aspek persepsi juga menunjukkan pada tahap tinggi iaitu 4.3526. Kajian menunjukkan bahawa para pelajar bersetuju bahawa e-book 'RESERVATION SEMUDAH 123' sangat membantu dalam menguasai topik penempahan. Dapatan ini penting kepada pensyarah kursus untuk terus menggunakan e-book ini dalam proses pengajaran dan pembelajaran disamping perlu membuat penambahbaikan bagi memastikan penggunaannya tetap relevan sebagai ABM yang membantu mencapai hasil pembelajaran kursus pelajar.


Kata kunci: Alat bantu mengajar; *Front Office*; Kolej Komuniti.

1.0 Pengenalan

Dalam konteks pendidikan tinggi di Malaysia, terdapat beberapa garis panduan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi dan dirangkum dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi). Kandungan yang ditekankan dalam pelan ini termasuklah lonjakan ketujuh iaitu ekosistem inovasi, lonjakan keempat graduan TVET berkualiti, dan lonjakan kesepuluh iaitu transformasi penyampaian pendidikan tinggi untuk melahirkan pelajar yang kompeten, trampil, dan bermoral dalam bidang yang diceburi.

Sehubungan dengan itu aktiviti pengajaran dan pembelajaran bagi pelajar Sijil Operasi Perhotelan (SOP), di Kolej Komuniti Bukit Beruang, Melaka dipelbagaikan dengan kreativiti dan inovasi para pensyarah. Salah satu daripada inovasi alat bantu mengajar (ABM) pensyarah dalam aktiviti perkuliahan sama ada di dalam dan di luar kelas yang dilaksanakan ialah penggunaan e-Book: Reservation Semudah 123. Ebook ini telah diterbitkan pada bulan Februari 2023 dengan nombor eISBN 978-967-16553-8-2 oleh pensyarah Sijil Operasi Perhotelan dan diaplikasikan oleh pelajar semester dua (2) dan tiga (3) khususnya yang berkaitan dengan *Front Office*.

Kandungan ebook ini berfokus tentang proses mengambil penempahan bilik di hotel menggunakan Bahasa Inggeris. Dengan adanya ebook ini, proses bertutur atau berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris akan menjadi lebih mudah dan membina keyakinan pelajar apabila berhadapan dengan tetamu hotel yang ingin membuat penempahan bilik. Dengan penggunaan ABM yang berkesan dan kreatif, proses pengajaran dan pembelajaran akan mencipta suasana pembelajaran yang lebih menyeronokkan serta memudahkan para pelajar memahami topik yang dipelajari dengan lebih cepat.



Rajah 1: Muka hadapan ebook *Reservation Semudah 123*

Muka hadapan ebook *Reservation Semudah 123* ini menunjukkan ia dilengkapi dengan audio dialog yang merupakan ciri tambahan yang bermanfaat untuk panduan dan pembelajaran interaktif pelajar bagi membantu mereka menguasai kemahiran berkomunikasi semasa latihan

amali bagi aktiviti penempahan bilik tetamu menggunakan Bahasa Inggeris.



Rajah 2 : Sebahagian kandungan e-Book *Reservation Semudah 123*

Ebook "Reservation Semudah 123" mengandungi 35 helaian bahan visual yang menarik dan kreatif. Kandungannya meliputi pengenalan, proses penempahan, proses pindaan, proses pembatalan, penutup, glosari, dan rujukan. Ebook ini juga dilengkapi dengan dialog-dialog ringkas dalam Bahasa Inggeris sebagai panduan pelajar SOP 2 dan SOP 3 membuat latihan amali komunikasi berkaitan amali penempahan dengan mudah dan tanpa jemu.

1.1 Pernyataan Masalah

Berdasarkan rubrik pentaksiran yang berkuatkuasa sesi I 2022/2023 yang digunakan pada sesi II 2022/2023 bagi kursus SOP 20163 *Communication in Hotel Operations* yang diduduki oleh 15 orang pelajar SOP 2, penyelidik mendapati lima(5) orang pelajar iaitu 33 peratus tidak dapat mencapai keputusan markah yang cemerlang iaitu 80 peratus untuk tugasannya topik dua (2) komunikasi dalam operasi *Front Office Department*. Manakala pada sesi I 2022/2023 bagi kursus SOP 30203 *Front Office Operation* yang disertai oleh 11 orang pelajar SOP 3, terdapat lima (5) orang pelajar bersamaan 45 peratus yang memperolehi keputusan markah kurang daripada 80 peratus bagi ujian amali satu (1) dan dua (2) bagi topik Prosedur Penempahan.

Antara faktor utama pelajar tidak terampil ialah mereka sukar untuk menguasai tatacara penempahan bilik yang memerlukan pelajar berkomunikasi menggunakan Bahasa Inggeris serta mudah lupa dengan aliran kerja penempahan bilik. Kurangnya penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan pelajar SOP menyebabkan pembelajaran Kursus *Communication in Hotel Operations* di semester dua (2) dan *Front Office Operation* di semester tiga (3) menjadi membosankan dan kurang menarik. Mereka menghadapi kesulitan dalam menguasai sepenuhnya proses kerja yang dipelajari, terutama dalam melakukan latihan praktikal penempahan. Kekurangan

kemahiran dalam membina ayat yang tepat juga menyebabkan kurangnya keyakinan untuk pelajar mencuba sendiri dan akhirnya mereka sering mengharapkan bantuan pensyarah dalam menyusun dialog perbualan mengikut watak FOA atau tetamu dan menjalankan prosedur sebagai seorang *Front Office Assistant* (FOA) yang lebih kompeten dan cekap.

1.2 Objektif kajian

Inisiatif pelaksanaan kajian penyelidikan ini diadakan adalah bertujuan untuk mengenalpasti persepsi pelajar di Kolej Komuniti Bukit Beruang khususnya pelajar Sijil Operasi Perhotelan terhadap penggunaan e-book: Reservation Semudah 123.

Kajian ini secara khususnya berfokus untuk:

- 1.2.1 Mengenalpasti persepsi pelajar terhadap rekabentuk e-Book: Reservation Semudah 123.
- 1.2.2 Mengenalpasti aspek pemahaman pelajar terhadap penggunaan e-Book Reservation Semudah 123.
- 1.2.3 Mengenalpasti persepsi hasil penggunaan e-Book: Reservation Semudah 123 kepada pelajar.

1.3 Batasan kajian

Kajian ini hanya mengambil maklumbalas pelajar Sijil Operasi Perhotelan semester dua(2) dan tiga(3) bagi sesi I 2023/2024 dan sesi II 2023/2024 di Kolej Komuniti Bukit Beruang Melaka.

2.0 Sorotan Kajian

Aspek kepelbagaian dalam pengajaran dan pembelajaran proses penempahan bilik *reservation* lebih menekankan gabungan pelbagai teknik dan kaedah yang berbeza bagi memastikan para pelajar dapat menjalankan aktiviti *role play* dengan berkesan. Melalui kesedaran ahli akademik hari ini tentang kelebihan dan peranan teknologi dalam pendidikan yang mampu memberikan impak dalam penyampaian dan kefahaman pelajar, telah semakin banyak teknologi diintegrasikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Menyahut perubahan positif ini penyelidik telah melaksanakan inisiatif membangunkan e-Book: Reservation Semudah 123 bagi membantu para pelajar berkomunikasi dengan baik terutama bagi proses penempahan selari dengan Dima dan Rahayu (2021) bahawa komunikasi merupakan salah satu cara untuk staf hotel mengetahui perkara yang tetamu perlukan dan bertanyakan soalan dalam bahasa yang baik,jelas dan tepat.

Menurut Norita et al (2021) penggunaan media pembelajaran seperti ebook merupakan satu proses pembelajaran alternatif yang penting dalam dunia pendidikan. Ini kerana ebook yang dibangunkan mempunyai kelebihan kerana ia boleh diakses dengan mudah melalui komputer atau telefon pintar pelajar sendiri. Ini disokong oleh Dumbiri & Nwadiani (2020) yang menyatakan ebook telahpun menjadi salah satu medium yang semakin dipertingkatkan penghasilannya pada zaman ini terutamanya dalam bidang pendidikan. Mengikut kajian Casselden & Pears (2020) penggunaan ebook juga membolehkan para pelajar membuat capaian secara berulang-ulang

melalui peranti elektronik yang mereka miliki dan sangat memudahkan urusan pelajar serta menjimatkan kos kerana mereka tidak perlu mencetak nota. Kandungan e-Book: Reservation Semudah 123 yang disediakan oleh penyelidik adalah bertujuan untuk membantu dan memudahkan pelajar menjalankan aktiviti amali penempahan bilik dengan bantuan audio yang terdapat di dalam ebook tersebut. Dengan penggunaan ebook dalam proses pengajaran dan pembelajaran, ia secara tidak langsung akan membuka ruang pembelajaran yang lebih luas dan membolehkan pelajar mendapatkan maklumat dengan lebih tepat dan cepat.

3.0 Metodologi Kajian

Kaedah melalui tinjauan deskriptif telah dipilih oleh penyelidik sebagai reka bentuk penyelidikan dengan cara mengumpul data melalui edaran soal selidik menggunakan *google form* dan melalui medium *Telegram* serta *Whatsapp* bagi melihat persepsi pelajar Sijil Operasi Perhotelan di Kolej Komuniti Bukit Beruang, Melaka terhadap penggunaan e-Book: *Reservation Semudah 123*. Penyelidik menggunakan kaedah kuantitatif dalam bentuk soal selidik yang diadaptasi daripada Kajian keberkesanan produk inovasi *Multipurpose Foldable Drawing Desk 2.0* (MFDD 2.0) sebagai alat bantu dalam PdP.

Populasi kajian melibatkan pelajar KKBBM iaitu seramai lima (5) orang pelajar SOP 03 dan 19 orang pelajar SOP 02 pada sesi II 2023/2024 dan 15 orang pelajar SOP 03 pada sesi I 2023/2024. Seratus peratus responden, iaitu 39 orang pelajar SOP, telah menjawab soal selidik ini. Mengikut cadangan Sekaran (2003), ukuran sampel antara 30 hingga 500 sudah mencukupi untuk mendapatkan input atau data yang tepat dalam penyelidikan. Ketepatan kajian ini bergantung sepenuhnya kepada keterbukaan responden dalam memberikan jawapan mereka secara jujur dan telus. Pecahan item atau bahagian dalam borang soal selidik ini terbahagi kepada dua(2) bahagian utama. Bahagian pertama adalah merujuk kepada maklumat responden iaitu jantina dan sesi akademik. Manakala bahagian kedua mempunyai tiga(3) subtopik kecil iaitu; A) Rekabentuk dan susun atur e-book B) Pemahaman pelajar terhadap pembelajaran & pengajaran kursus *Front Office Operation* dan C) Persepsi hasil penggunaan ebook. Skala likert 1 hingga 5 digunakan dalam soal selidik ini iaitu 1 "Sangat tidak setuju", 2 "Tidak setuju", 3 "Tidak pasti", 4 "Setuju" dan 5 "Sangat setuju". Kajian rintis yang dijalankan kepada 15 orang pelajar SOP 2 sesi II 2022/2023 untuk menguji kebolehpercayaan soal selidik yang digunakan.

Jadual 1: Analisis Kebolehpercayaan Item Soalan

Domain	Bil. Item Soalan	Nilai Alpha Cronbach
Rekabentuk	5	0.890
Pemahaman	4	0.829
Persepsi	4	0.827

Jadual 1 menunjukkan kebolehpercayaan bagi instrumen yang digunakan bagi domain rekabentuk nilai Alpha Cronbach adalah 0.890. Manakala pemahaman pula 0.829 dan persepsi adalah 0.827. Ini disokong oleh

Muhammad Nidzam (2020) nilai pekali alpha bagi instrumen yang melebihi 0.60 menunjukkan instrumen adalah boleh diterima untuk digunakan dalam kajian ini. Manakala jadual 2 menunjukkan analisis Jadual Interpretasi Skor Min yang digunakan untuk menganalisis nilai skor min bagi setiap domain yang dikaji, berdasarkan Pallant (2020) seperti jadual dibawah:

Jadual 2: Jadual Interpretasi Skor Min

Skor Min	Interpretasi (Tahap)
1.00 hingga 1.66	Rendah
1.67 hingga 3.33	Sederhana
3.34 hingga 5.00	Tinggi

4.0 Analisis dan Perbincangan

4.1 Demografi responden

Jadual 3 menunjukkan demografi responden yang telah terlibat dalam kajian ini. Seramai 39 orang telah terlibat dengan kajian ini yang terdiri daripada 61.5 % perempuan dan 38.5% lelaki. Seterusnya dari segi sesi akademik pelajar Sijil Operasi Perhotelan menunjukkan sebanyak 48.7 % adalah dari sesi akademik SOP 2: Sesi II 2023/2024, diikuti 38.5 % dari sesi akademik SOP 3: Sesi I 2023/2024. Manakala, 12.8% adalah daripada sesi akademik SOP 3: Sesi II 2023/2024.

Jadual 3: Taburan responden berdasarkan jantina, sesi akademik

Pembolehubah demografi	n	%
Jantina		
Lelaki	15	38.5
Perempuan	24	61.5
Sesi Akademik		
SOP 2: Sesi II 2023/2024	19	48.7
SOP 3: Sesi I 2023/2024	15	38.5
SOP 3: Sesi II 2023/2024	5	12.8

4.2 Rekabentuk e-Book

Jadual 4 menunjukkan persepsi responden terhadap rekabentuk ebook yang dihasilkan. Keputusan menunjukkan susunatur ebook mudah difahami mendapat nilai min tertinggi iaitu 4.46 (tinggi). Seterusnya, susunatur ebook disukai oleh responden dengan nilai min 4.43 (tinggi) dan susunatur ebook menyamai pembelajaran amali modul Front Office di dalam kelas 4.41 (tinggi). Analisis juga menunjukkan susunatur ebook adalah menarik mendapat min terendah 4.26 (tinggi). Secara keseluruhannya responden yang menggunakan ebook ini memberikan persepsi yang positif pada tahap tinggi terhadap rekabentuk ebook yang dihasilkan. Rekabentuk e-book yang mudah digunakan dapat membantu para pensyarah dan juga pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi menggantikan nota yang biasanya perlu dicetak oleh para pelajar atau pensyarah. Mengikut Mertler (2014) rekabentuk

ebook yang menggabungkan audio, imej dan grafik dapat memenuhi keperluan, keinginan, dan menimbulkan motivasi serta minat pelajar dalam bidang *Front Office* sesuai dengan hasil dapatan kajian bagi item A5 dimana interpretasi adalah tinggi iaitu 4.33.

Jadual 4: Analisis aspek rekabentuk e-Book

Item	Rekabentuk	Min	Interpretasi Tahap
A1.	Saya suka susun atur e-book.	4.4359	Tinggi
A2.	Susun atur e-book mudah difahami	4.4615	Tinggi
A3.	Susun atur e-book adalah menarik	4.2564	Tinggi
A4.	Susun atur e-book menyamai pembelajaran amali modul Front office di dalam kelas saya	4.4103	Tinggi
A5.	Saya suka susunatur e-book kerana mempunyai elemen interaktif	4.3333	Tinggi
	Jumlah Min	4.3795	Tinggi

Merujuk kepada Smeets & Bus (2013), integrasi animasi dalam rekabentuk ebook menjadi satu galakan dalam proses pembelajaran kerana animasi mampu memberi daya tarikan berbanding bahan belajar yang statik, merujuk kepada nilai susun atur rekabentuk yang menarik iaitu nilai min 4.25 (tinggi).

4.3 Pemahaman pelajar terhadap penggunaan e-Book

Jadual 5 menunjukkan maklum balas responden daripada aspek pemahaman penggunaan ebook. Keputusan menunjukkan responden merasakan pembelajaran mereka menggunakan ebook adalah lebih mudah dengan nilai min 4.41 (tinggi). Diikuti dengan responden mendapati mereka dapat memberikan lebih tumpuan kepada pelajaran dengan penggunaan ebook berbanding papan tulis sahaja, 4.30 (tinggi). Selain itu, responden juga suka menggunakan ebook semasa menjalankan amali topik *Reservation*, 4.25 (tinggi) dan suka menggunakan ebook semasa menjalankan aktiviti amali komunikasi topik *Reservation*, 4.23 (tinggi). Secara keseluruhan, jumlah min bagi domain pemahaman ialah 4.30 (tinggi), menunjukkan responden memberikan maklumbalas yang sangat positif terhadap penggunaan ebook ini yang memberikan pemahaman kepada pelajar terhadap topik *Reservation*.

Jadual 5: Analisis aspek pemahaman penggunaan e-Book

Item	Pemahaman	Min	Interpretasi Tahap
B6.	Saya rasakan pembelajaran menggunakan ebook lebih mudah	4.410256	Tinggi
B7.	Saya suka penggunaan ebook semasa menjalankan aktiviti amali bagi topik Reservation	4.256410	Tinggi
B8.	Saya suka penggunaan ebook semasa menjalankan aktiviti amali komunikasi reservation	4.230769	Tinggi
B9.	Saya dapat memberikan lebih tumpuan kepada pelajaran dengan penggunaan ebook berbanding menggunakan papan tulis sahaja	4.307692	Tinggi
	Jumlah Min	4.3013	Tinggi

Dapatan ini adalah selari dengan Sung et al (2019) menyatakan penggunaan ebook yang mengandungi interaktif bagi mod pembelajaran boleh mencetuskan motif yang mendalam terhadap pelajar, dan seterusnya menggalakkan proses pembelajaran. Penggunaan ebook di kalangan pelajar *Front Office* akan lebih memudahkan pelajar kerana mereka boleh menggunakan ebook dimana sahaja, menurut Sukardi (2021), pelajar lebih gemar menggunakan ebook berbanding buku fizikal kerana lebih mudah dibawa dan boleh digunakan pada bila-bila masa sahaja terutamanya generasi muda pada zaman sekarang yang lebih menjurus kepada penggunaan teknologi.

4.4 Persepsi pelajar terhadap penggunaan e-Book

Jadual 6 menunjukkan hasil analisis persepsi pelajar terhadap penggunaan ebook. Nilai min tertinggi adalah 4.41 (tinggi) iaitu bagi item penggunaan ebook ini boleh menghilangkan rasa bosan semasa menjalankan aktiviti amali. Dapatan juga menunjukkan responden lebih faham semasa pensyarah menggunakan ebook untuk mengajar topik *Reservation*, 4.35 (tinggi) diikuti dengan nilai min 4.33 (tinggi) yang menyatakan penggunaan ebook oleh pensyarah membuatkan responden faham keseluruhan aktiviti amali kursus *Front Office* dengan lebih cepat. Manakala, bagi item yang mendapat min terendah ialah penggunaan ebook membantu responden untuk mengikuti pdp menggunakan Bahasa Inggeris dengan lebih yakin, 4.30 (tinggi). Secara keseluruhannya, persepsi pelajar terhadap penggunaan ebook ini adalah sangat positif dengan jumlah min 4.35 (tinggi).

Jadual 6: Analisis persepsi pelajar terhadap penggunaan e-Book

Item	Persepsi	Min	Interpretasi Tahap
C10.	Saya lebih faham apabila pensyarah menggunakan e-book untuk mengajar SOP bagi topik Reservation	4.358974	Tinggi
C11.	Penggunaan e-book membantu saya untuk mengikuti pdp menggunakan Bahasa Inggeris dengan lebih yakin	4.307692	Tinggi
C12.	Penggunaan e-book boleh menghilangkan rasa bosan semasa menjalankan aktiviti amali	4.410256	Tinggi
C13.	Penggunaan e-book oleh pensyarah membuatkan saya faham keseluruhan aktiviti amali modul Front Office dengan lebih cepat	4.333333	Tinggi
	Jumlah Min	4.3526	Tinggi

Persepsi positif responden terhadap ebook ini menunjukkan ebook ini berjaya menarik minat dan meningkatkan lagi pemahaman pelajar untuk menguasai topik *Reservation* yang diajar di dalam kursus *Front Office*. Ozsvald (2010) menyatakan bahawa persepsi positif pelajar terhadap bahan pengajaran dan pembelajaran seperti ebook yang digunakan oleh pensyarah dapat meningkat seiring dengan penggunaan kepelbagaiannya strategi persembahan multimedia seperti teks, imej, dan narasi yang sangat mengutamakan pemilihan maklumat penting yang bersesuaian dengan keperluan pelajar, dan ini dapat memberikan kefahaman yang lebih jelas terhadap proses pembelajaran. Menurut Oruc (2016), penggunaan ebook dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi kursus front office mampu meningkatkan pencapaian akademik pelajar, dan kajian ini juga mendapati bahawa penggunaan multimedia sebagai bantu mengajar dapat membantu dalam peningkatan akademik pelajar. Eunjoon, Plass, Hayward & Homer (2012) serta Keller (2016) juga menyatakan bahawa ini secara tidak langsung akan memberikan kepuasan dan motivasi kepada pelajar untuk mendalamai kursus *Front Office*.

5.0 Rumusan dan Cadangan

Rumusan daripada kajian menunjukkan bahawa penggunaan ABM seperti e-book dalam proses PdP dapat memberi manfaat kepada pelajar dalam memahami topik komunikasi dalam operasi *Front Office Department* untuk pelajar SOP 2 yang mengikuti Kursus *Communication in Hotel Operations* dan

pelajar SOP 3 Kursus *Front Office Operation*. Penggunaan e-book yang menarik dapat meningkatkan minat pelajar serta mengelakkan kebosanan semasa sesi amali. Selain itu, e-book "Reservation Semudah 123" untuk pelajar SOP 2 dan SOP 3 secara tidak langsung dapat meningkatkan kemahiran komunikasi dan keyakinan pelajar dalam berinteraksi dengan tetamu di masa hadapan. Penggunaan Bahasa Inggeris yang mudah dan dialog yang disertai dengan audio juga membantu meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris pelajar dalam konteks kehidupan sehari-hari, terutamanya dalam bidang pekerjaan mereka.

Tahap penguasaan Bahasa Inggeris yang lemah membuatkan mereka kurang yakin dan berasa takut untuk berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris. Untuk penambahbaikan pada masa depan, pengkaji bercadang untuk menyediakan e-book untuk topik lain seperti prosedur pendaftaran masuk dan dialog penting dalam industri hospitaliti. Pengkaji juga berhasrat untuk menjalin kerjasama dengan pihak industri seperti hotel untuk mengembangkan e-book untuk prosedur kerja dalam bidang-bidang lain.

Rujukan

- Casselden,B., & pears,R.(2020) Higher Education Students Pathways to ebook Usage and Engagement, and Understanding:Highways and cul de sacs. *Journal of Librarianship and Information Science*, 52(92), 601-619
- Dumbiri,D.N., & Nwadiani,C.O (2020).Challenges facing Application of E-learning Facilities in Vocational and Technical Education program in South Negeria Universities. *Asian Journal of Vocational Education and Humanities*, 1(2),1-8.
- Dima, C. C., Rahayu, E (2021). Transisi Komunikasi Pemasaran Sales & Marketing Dari Offline Ke Online Untuk Brosur Promosi Fasilitas Hotel Pada Masa Pandemi Covid-19 Di Kota Semarang.
- Eunjoon, R., Plass, J., Hayward, E., & Homer, B. (2012). Emotional design in multimedia learning. *Educational Psychology*, 104(2), 485–498.
- Ilhan, G., & Oruc, S. (2016). Effect of The Use of Multimedia on Students' Performance: A case Study of Social Studies Class. *Academic Journal*, 11(8), 877–882.
- Keller, J. (2016). Motivation, Learning, and Technology: Applying the ARCS-V Motivation Model. *Participatory Educational Research (PER)*, 3(2), 1–13.
- Mertler, A. C. (2014). Action Research: Improving Schools and Empowering Educators. United States: SAGE
- Muhammad Nidzam, Y. (2020). Pembangunan Model Kurikulum M-Pembelajaran Teknologi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran di IPG. *Proceedings of International Conference on The Future of Education (IConFEd) 2020*.
- Norita,A, Mohd Faizal,CM dan Natrah, MN (2023) Penggunaan Kit Pembelajaran STKI e-book Dalam Meningkatkan Pembelajaran Pelajar di Politeknik. *International Conference on Business Studies and Education (ICBE)*
- Ozsvald, I. (2010). The screencasting handbook. United Kigdom: TheScreencastingHandbook.co

Pallant, J. (2020). SPSS Survival Manual: A step by step guide to data analysis using IBM SPSS (7th ed.). Routledge.
<https://doi.org/10.4324/9781003117452>

Sukardi, S. (2021). Analisa Minat Membaca Antara Ebook Dengan Buku Cetak Menggunakan Metode Observasi Pada Politeknik Tri Mitra KaryaMandiri. *IKRA-ITH EKONOMIKA*, 4(2), 158-163.